AHAD, 21 OGOS, 1983

No. Siri 5879
No. Penerimaan 176/86



## Senyuman dan tawa 2 tokoh di sidang bersejarah

● SENYUM dan tawa kedua pemimpin Umno ini — Datuk Seri Dr Mahathir dan Datuk Musa membayangkan mereka berpuashati dengan perjalanan Perhimpunan Agung Umno kali ini.

Persidngan yang disifatkan satu majlis dialog antara ahli-ahli dan pemimpin parti berjalan lancar dan menarik, lebih-lebih lagi apabila perwakilan menggamatkan dewan dengan telatah lucu mereka.

Perdana Menteri tersenyum apabila perwakilan memuji dirinya atau menyanjung pentadbiran dan dasar-dasar baru Kerjaan. Beliau ketawa besar apabila wakil-wakil yang berucap mencuit hatinya dengan kata-kata melucukan.

Lihat saja foto di atas, songkok yang dipakai sejak beberapa jam lalu terpaksa dibuka. Mungkin panas agaknya. Wajah Datuk Musa pula tidak banyak berubah. Senyum dan ketawa hampir sama saja.

Foto BM oleh MOHD YUSOF

# Mahathir akan jelas sikap sokong Musa

## Ucapan dasar Presiden diterima sebulat suara

**KUALA LUMPUR, Sabtu — Perhimpunan Agung Umno ke-34 hari ini meluluskan ucapan dasar Presiden, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mengandungi isu kontroversial berhubung dengan sokongan beliau kepada Timbalannya, Datuk Musa Hitam, setelah hangat dibahaskan.**

Kira-kira 1,300 perwakilan ke perhimpunan tiga hari itu, sebulat suara menerima sokongan ucapan dasar itu, walaupun ada di kalangan mereka yang kurang berpuashati dengan perisytiharan Perdana Menteri yang disifatkan sebagai "terlalu berterus terang."

Usul itu, dibentangkan oleh Umno Bahagian Padang Rengas semalam, mengucapkan tahniah kepada Presiden parti atas ucapannya yang meliputi semua aspek penting bagi kemajuan agama, bangsa dan negara.

Datuk Seri Dr Mahathir sendiri menjamin bahawa beliau akan menjawab mengapa beliau menyatakan pendirian itu sebelum perhimpunan ditangguhkan, petang esok.

### Perasaan

Sewaktu perbahasan, beberapa perwakilan mengkritik Datuk Seri Dr Mahathir kerana "terlalu berterus terang" menyokong Datuk Musa Hitam sebagai Timbalan Presiden parti dan Timbalan Perdana Menteri.

Ada yang meluahkan perasaan mereka melalui ucapan yang panjang dan berbunga-bunga, ada yang menggunakan pantun dan peribahasa, manakala ada juga yang terus terang mengkritik ucapan Presiden parti itu.

Antara kritik yang paling keras ialah daripada wakil Kelab Umno London — Eire, Wan Adnan Idris yang menegur Datuk Seri Dr Mahathir kerana menyokong Datuk Musa secara terbuka.

Dengan mengibaratkan Perdana Menteri sebagai bapa yang mempunyai dua anak, beliau berkata, Datuk Seri Dr Mahathir tidak seharusnya mengambil sikap memihak. Tetapi, sebaliknya, bertindak dengan bijak supaya tidak mengecilkan hati seorang dari anak-anaknya.

Wakil Pergerakan Pemuda Umno Malaysia, Encik Mohd Fahmi Ibrahim, menegaskan pucuk pimpinan tidak sepatutnya campur tangan dalam menentukan siapa yang harus menjadi pemimpin kerana setiap perwakilan tahu siapa yang perlu dipilih.

Wakil Kelantan, Encik Anuar Musa dalam ucapannya berkata, seruan Presiden Umno supaya tradisi dalam parti dikekalkan adalah tidak wajar jika ia hanya untuk kesenangan pucuk pimpinan.

Beliau berkata, pucuk pimpinan tidak harus gentar dengan pertandingan yang sudah termaktub dalam perlembagaan parti kerana apabila tiba masanya kelak, para perwakilan sendiri boleh dan mampu menilai prestasi pemimpin yang mereka pilih.

Turut menegur ialah wakil Perak yang mensifatkan ucapan itu sebagai perisytiharan pemilihan pucuk pimpinan Umno 1984.

Antara wakil yang berucap menyokong ucapan terus terang Datuk Seri Dr Mahathir itu ialah dari Selangor, Kedah dan Wilayah Persekutuan.

Wakil Selangor, Encik Zakaria Haji Yahya berkata, kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir dan Datuk Musa perlu diberi sokongan berterusan dan tidak harus ditentang.

Beliau berharap tidak akan muncul sepasukan lain untuk menentang kepemimpinan yang ada sekarang, terutamanya ketika diadakan pemilihan.

Perhimpunan hari ini juga membahaskan usul agama yang dibentangkan oleh Umno Bahagian Besut.

## Dewan gamat bila Tengku Razaleigh disuruh kahwin

KUALA LUMPUR, Sabtu — Dewan perhimpunan menjadi gamat dengan gelak ketawa apabila wakil dari Kelantan, Encik Anuar Haji Musa, menyeru Naib-Presiden Umno, Tengku Razaleigh Hamzah, supaya cepat kahwin.

"Ramai ahli Umno yang inginkan beliau cepat-cepat kahwin," katanya disambut gelak ketawa para hadirin.

"Perkahwinan itu juga akan melenyapkan peluang golongan-golongan yang cuba menabur fitnah terhadap beliau," tambahnya.

Ketika membahaskan ucapan dasar Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Encik Anuar berkata fitnah-menfitnah kadangkala timbul kerana orang yang menjadi sasaran itu memberi peluang untuk difitnah.

"Tentu ramai gadis yang berminat menjadi isteri Tengku Razaleigh kerana para pemimpin yang lain telah pun beristeri," ujarnya disambut dengan tepukan perwakilan semacam tanda menyokong cadangannya itu.

## PM jawab mengenai isu BMF

KUALA LUMPUR, Sabtu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau akan menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh perwakilan Umno mengenai isu Bumiputera Malaysia Finance (BMF) di Perhimpunan Agung Umno esok.

"Saya akan memberi jawapannya esok, selagi ia tidak menjejaskan proses perbicaraan dan penyiasatan yang sedang diadakan di Hong Kong berkaitan dengan pembunuhan eksekutif BMF, Jalil Ibrahim," kata beliau.

Isu pinjaman yang dikeluarkan oleh BMF kepada tiga syarikat Hong Kong itu hanya ditimbulkan oleh seorang perwakilan dari Negeri Sembilan.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia